

Nama Dokumen:

PROFIL RINGKAS FAKULTI SAINS (FS) UTM

Nombor Dokumen:

MK-FS.UTM-02

Pindaan	Tarikh	Butiran	Disediakan	Diluluskan
0	13-10-2020	Keluaran Pertama	Task Force SPK	
1	27-11-2021	Semakan Pertama	Task Force SPK	
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

PROFIL RINGKAS FS

ISI KANDUNGAN

1	TUJUAN	2
2	FAKULTI SAINS	2
	2.1 PENERANGAN MENGENAI FS	2
	2.2 MAKLUMAT FS	4
	2.3 STRUKTUR FS	4
	2.3.1 JABATAN	5
	2.3.2 FASILITI-FASILITI DI FS	5
LAMPIRAN 1		6

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 1/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		

PROFIL RINGKAS FS

1 Tujuan

Dokumen ini menerangkan mengenai profil ringkas Fakulti Sains atau nama singkatannya FS.

2 Fakulti Sains

2.1 Penerangan Mengenai FS

Pada tahun 1972, Fakulti Sains di bawah Pusat Perkhidmatan Sains mengendalikan pengajaran Fizik, Kimia dan Matematik untuk Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi kebangsaan (ITK). Pada tahun ini, Pusat Pengajian Sains dan Kemanusiaan ditubuhkan yang merangkumi 4 Jabatan (Fizik, Kimia, Matematik, Sains Kemanusiaan). Kursus Diploma Sains dan Pendidikan dimulakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Bagaimanapun pada tahun 1973 Pusat Pengajian Sains telah dipisahkan dari Pusat Pengajian Sains dan Kemanusiaan, pemisahan ini membawa kepada penubuhan Pusat Pengajian Sains (PPS) yang mempunyai tiga (3) Jabatan iaitu Jabatan Fizik, Jabatan Kimia dan Jabatan Matematik.

Pada tahun 1978 PPS telah mengubah Kursus Diploma Sains serta Pendidikan kepada Kursus Integrasi Sains serta Pendidikan (ISP) dan seterusnya pada tahun 1979 pengambilan kumpulan pertama pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (ISP) dimulakan. Setahun kemudian pada tahun 1980 Pusat Pengajian Sains (PPS) telah menubahkan Jabatan Sains Komputer.

Pusat Pengajian Sains secara rasminya dinaiktaraf kepada Fakulti Sains pada tahun 1981, manakala Jabatan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Sains Teknik (dari Pusat Pengajian Kemanusiaan) dipindahkan ke Fakulti Sains setahun kemudian iaitu pada tahun 1982. Kursus Sarjana Muda Sains Komputer dimulakan di Fakulti Sains pada tahun 1983 tetapi dipisahkan setahun kemudian dari Fakulti Sains kerana penubuhan Fakulti Sains Komputer di UTM pada 1984.

Fakulti Sains telah mula menawarkan Kursus Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Awam/Elektrik/Jentera) pada tahun 1986. Pada tahun 1987, Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Industri (SSI) telah dimulakan. Program yang ditawarkan ialah Kimia Industri, Fizik Industri dan Matematik Industri.

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 2/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		

PROFIL RINGKAS FS

Perpindahan Rasmi Fakulti Sains ke Skudai pada tahun 1988

Bermulalah penawaran pelbagai program di bawah Fakulti Sains seperti Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer serta Pendidikan (SPK), dan Kursus Diploma Pendidikan (1988), Program Ijazah Lanjutan dalam bidang Kimia, Fizik dan Matematik (1989). Penawaran Kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) pada tahun 1992.

Penstruktur semula Fakulti Sains kepada tiga (3) Jabatan (Kimia, Fizik, Matematik), dan ditadbir di bawah Fakulti Sains pada tahun 1994. Jabatan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Sains Teknikal dimansuhkan berikutan penubuhan Fakulti Pendidikan. Pada tahun 1997 Fakulti Sains menawarkan Program Sarjana Muda Sains Industri (Biologi). Diikuti Program Sarjana Muda Sains Industri (Fizik Bahan) tahun 1998, dan Program Sarjana Muda Sains Industri (Fizik Kesihatan) pada tahun 1999.

Pada tahun 2000 Jabatan Biologi ditubuhkan dan Fakulti Sains memulakan program khas dikenali sebagai Program Saintis Cemerlang (Bidang Fizik, Kimia dan Matematik) pada tahun 2002. Perubahan dalam syarat Pengambilan pelajar Sarjana Muda dihadkan kepada lepasan Sijil Matrikulasi, lepasan STPM dan Diploma sahaja berkuatkuasa 2003. Fakulti Sains menawarkan Program Sarjana Muda Sains (Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik) pada tahun 2005.

Jabatan Biologi telah dijadikan sebuah fakulti baharu yang dikenali sebagai Fakulti Biosains dan Biokejuruteraan berikutan penstruktur fakulti di UTM pada tahun 2007. Bermula Tahun 2010, pengambilan pelajar Sarjana Muda Sains (Fizik Bahan) dan Sarjana Muda Sains (Fizik Kesihatan) dihentikan sepenuhnya.

Sinergi 4.0 UTM pada tahun 2018 telah menyebabkan berlakunya penstruktur semula di mana Jabatan Biosains digabungkan dalam Fakulti Sains.

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 3/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		

PROFIL RINGKAS FS

2.2 Maklumat FS

Tarikh mula operasi	Pada tahun 1972, Pusat Perkhidmatan Sains mengendali pengajaran Fizik, Kimia dan Matematik untuk Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi kebangsaan (ITK). Pusat Pengajian Sains dan Kemanusiaan ditubuhkan - merangkumi 4 Jabatan (Fizik, Kimia, Matematik, Sains Kemanusiaan) Kursus Diploma Sains dan Pendidikan dimulakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Seterusnya dinaik taraf kepada Fakulti Sains pada tahun 1981.
Alamat Operasi <u>FAKULTI SAINS</u>	Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor. Tel: 07 – 553 4050 Faks: 07 – 556 6162

2.3 Struktur FS

FS telah mewujudkan Carta Organisasinya bagi menjelaskan tanggungjawab, kemampuan dan perhubungan antara kakitangan yang menyelia dan melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan kualiti perkhidmatan.

Rujukan: Struktur Organisasi FS (MK-FS-04) (Rujuk Lampiran I)

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 4/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		

PROFIL RINGKAS FS

2.3.1 Jabatan

1. Jabatan Biosains

- Alam Sekitar Bioteknologi
- Bioteknologi Perindustrian
- Bioteknologi Tumbuhan
- Bioteknologi Haiwan

2. Jabatan Fizik

- Fizik Instrumentasi
- Fizik Optik
- Fizik Bahan
- Fizik Sinaran dan Nuklear

3. Jabatan Kimia

- Kimia Analisis
- Kimia Tak Organik
- Kimia Organik
- Kimia Fizikal

4. Jabatan Sains Matematik

- Algebra dan Analisis
- Matematik Gunaan
- Kaedah berangka dan analisis
- Operasi Penyelidikan
- Statistik


2.3.2 Fasiliti-Fasiliti di UTM

FS menyediakan dan menyelenggara infrastruktur/fasiliti seperti bilik dan dewan kuliah, makmal penyelidikan, makmal pengajaran, kafe, penyediaan perkhidmatan internet dan sebagainya yang perlu bagi keberkesanan operasi dan pencapaian pematuhan kepada kehendak-kehendak perkhidmatan.

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 5/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		


PROFIL RINGKAS FS

LAMPIRAN 1




No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 6/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		

PROFIL RINGKAS FS



**FS Functional
Organizational Structure**



**FS Functional
Organizational Structure**

Continuation..

No. Dokumen	:	MK-FS.UTM-02		Mukasurat 7/7
Versi	:	01		
Tarikh	:	27-11-2021		